

28/11/1997

Roh Israk Mikraj dalam azam pulih ekonomi

Abdurrahman Haqqi

MALAM tadi adalah malam kali ke 1420 umat Islam mengingati kejadian mukjizat kenabian dengan berlakunya peristiwa Israk dan Mikrajnya. Buat kali pertama berlaku dua tahun - tepat 27 Rejab Tahun ke-11 Kenabian - sebelum Nabi berhijrah ke Madinah.

Israk adalah perjalanan malam Nabi dari al-Masjidil Haram di Makkah ke al-Masjidil Aqsa di Palestin (QS. al-Israk: 1) manakala Mikraj adalah perjalanan berkenaan ke langit ketujuh hingga ke Sidratul Muntaha (QS. an-Najm: 1-18).

Tujuh petala langit dalam peristiwa Mikraj sangat jelas tetapi di manakah tujuh petala bumi yang termasuk kategori akidah kita?

Ketika ditanyakan perkara itu kepada Syeikh Mutawalli asy-Syar'rawi, seorang ulama popular Mesir, beliau menjawab dengan mudah: "Anda sudah mengimani Nabi melakukan Mikraj dimulakan dari bumi kemudian ke langit pertama, kedua, ketiga dan seterusnya hingga ketujuh. Cuba anda kira dari langit ketujuh itu, ada berapa petala bumikah? Tujuh, bukan."

Di sinilah letak rahsia firman Allah dalam al-Quran mengenai tujuh petala bumi maksudnya: "Allah yang mencipta tujuh petala langit dan (Dia menciptakan) bumi seperti itu; perintah Allah berlaku terus-menerus di antara alam langit dan bumi. (Berlakunya yang demikian) supaya kamu mengetahui sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas setiap sesuatu dan sesungguhnya Allah tetap meliputi ilmu-Nya pada setiap sesuatu." - (QS. at-Talaq:12) Padahal dalam menyebutkan tujuh petala langit, al-Quran mengulanginya sebanyak sembilan kali.

Israk Mikraj ditetapkan Allah sejak awal lagi bakal dilakukan Nabi selepas dalam istilah Islam `Am al-Khuzn atau `Tahun Duka' yang mana bapa saudara Nabi, Abu Talib dan juga isteri Nabi, Khadijah berpulang ke rahmatullah pada tahun kesepuluh kenabian.

Kedua-duanya meninggal dunia ketika Nabi dan umat Islam Makkah dalam sekatan ekonomi tajaan Quraisy.

Pada saat inilah turun perintah menjalani Israk dan Mikraj untuk menenangkan Nabi dan pengikutnya ketika itu. Oleh itu, kita temui hikmah di sebalik peristiwa itu sangat besar dan bermakna bagi perjuangan seterusnya.

Salah satu hikmahnya adalah untuk menambah kekuatan iman dan keyakinan Nabi sebagai Rasul yang diutus Allah ke tengah umat manusia demi penyebaran risalah Islam.

Dengan yang demikian, bertambahlah keazaman dan kekuatan batin sewaktu menerima dugaan dan musibah sebesar apapun juga dalam memperjuangkan cita-cita luhur dan suci dalam mengajak seluruh umat manusia ke jalan Allah yang lurus.

Dugaan dan cubaan dalam setiap perjuangan adalah ketetapan Allah kepada umat beriman, firman Allah maksudnya: "Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata, `kami beriman', sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya, Kami menguji orang yang terdulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian) nyata apa yang diketahui Allah mengenai orang yang sebenarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahui-Nya mengenai orang yang berdusta." - (QS. al-Ankabut:2-3).

Kejadian Israk Mikraj menjadi alat penguji dan pengukur kebenaran dan ketulusan perjuangan pengikut Nabi. Pada zaman moden ini, Israk dan Mikraj Nabi Muhammad itu adalah manifestasi ketinggian roh pengetahuan dan ilmu

Islam terhadap cakerawala dan ilmu angkasa lepas.

Selepas menghadapi kehidupan getir selama sepuluh tahun berturut-turut, sudah sampai masanya mereka dibangkitkan. Satu dekad perjuangan sudah melayakkan diri mereka meneraju tamadun baru dunia dan peristiwa Israk Mikrajlah tanda permulaan kebangkitan ini.

Israk Mikraj adalah suatu hakikat dan menjadi peristiwa menakjubkan sebagai bukti kerasulan Muhammad. Sejurus kejadian ini, umat Islam terbahagi kepada dua kelompok; kelompok yang mempercayainya dan kelompok yang menolaknya.

Kelompok pertama terus bersama Rasul manakala kelompok kedua ada yang murtad. (Lihat hadis riwayat Ahmad, Bukhari, Muslim dan Tirmizi).

Dengan berlakunya peristiwa Israk Mikraj berakhirlah era penindasan kejam Quraisy kerana Nabi memerintahkan pengikutnya berhijrah ke Madinah. Dengan penuh keazaman untuk mempertahankan risalah Islam serta berdisiplin dan tertib melaksanakan garis panduan Rasul dalam berhijrah, umat Islam memiliki tanah sendiri untuk berpijak dalam menyebarkan agama Allah dengan lebih selesa dan penuh percaya diri.

Jika kita terapkan roh Israk Mikraj dalam keadaan sekarang, sangatlah tepat ingatan dan ajakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan Masjid al-Muttaqin di Taman Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC), Labuan Jumaat lalu bahawa `kita perlu mempunyai keberanian, tekad dan disiplin kerana masalah yang kita hadapi sekarang masih kecil dan boleh diatasi sekiranya semua pihak bersatu padu menyokong kerajaan menghadapinya.'

Ingatan dan ajakan seperti ini penting dan perlu dalam merealisasi tindakan yang akan diambil oleh Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang akan ditubuhkan bulan depan. Ia diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sehari sebelumnya ketika mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno di PWTC.

Beberapa tindakan akan diambil antaranya pengurangan pembaziran, peningkatan produktiviti dan eksport, pengurangan import, peningkatan kualiti, kawal inflasi dan peningkatan pelaburan asing.

Dalam konteks perjuangan yang kita peroleh daripada pengajaran peristiwa Israk dan Mikraj dalam meningkatkan keimanan serta percaya diri dan mengurangi ketergantungan kepada pihak luar, saya fikir ia tidaklah jauh berbeza dengan apa yang diazamkan kerajaan dalam memulih ekonomi negara seperti dikatakan Anwar Jumaat lalu ketika merasmikan Pameran dan Persidangan Francais Malaysia 1997 (Mafex 97) di PWTC, Kuala Lumpur.

(END)